

21 JUN 2003

Mahathir-Gulung (Keputusan)

DR MAHATHIR BUAT KEPUTUSAN BERSARA SEMASA DI PUNCAK KERJAYA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau mengambil keputusan untuk bersara daripada semua jawatan parti dan kerajaan semasa masih lagi berada di puncak kerjayanya.

"Saya diajar enak saya apabila makan tengah sedap kena berhenti. Saya mengingati nasihat itu dan membuat keputusan untuk berhenti semasa tengah sedap menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Jangan berhenti apabila dihalau keluar, tidak popular, merosakkan parti, dan saya bersyukur Umno telah dipulihkan dengan baiknya," katanya dalam ucapan penggulungannya pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir akan melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam pada Oktober ini. Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambilalih jawatan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya selama sejam, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyatakan sokongan, penghargaan dan sanjungan dalam kebanyakan ucapan semasa perbahasan usul ucapan dasar presiden serta usul ekonomi, pendidikan dan agama.

Dr Mahathir berkata penghargaan berkenaan sebenarnya adalah untuk Presiden Umno.

"Ia ditujukan kepada Presiden Umno. Kalau Presiden tidak disayangi...itu adalah petanda parti kita berpecah. Oleh itu disuarakan perasaan kasih kepada presiden bermakna kita kasih kepada parti dan perjuangan kepada bangsa, agama dan tanahair.

"Teruskanlah amalan kepada Presiden yang akan datang," katanya.

Dr Mahathir yang turut menyatakan rasa gembira dan terharu kepada para perwakilan, berkata perhimpunan agung tahunan parti yang berlangsung sejak Khamis lepas telah berjalan dengan tertib dan baik, tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang hadir kerana ketertiban mesyuarat kita ini walaupun pada mulanya ada ura-ura perkara tertentu akan berlaku. Alhamdulillah, tidak ada apa yang berlaku walaupun begitu ramai yang hadir," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun ini kali terakhir beliau menghadiri perhimpunan agung Umno sebagai presiden, beliau berhasrat untuk mengikuti persidangan tahun depan sebagai ahli biasa dengan izin Allah.

"Saya hendak rasa duduk di bawah, dia punya pemandangan lain sikit. Semasa saya di sini pun (di atas pentas sebagai presiden parti), saya ada pergi ke belakang untuk rasa pemandangan dia," katanya.

Perdana Menteri turut mengucapkan syukur kerana pada perhimpunan agung parti kali ini, begitu ramai perwakilan yang hadir, malahan juga pemerhati yang berada di luar dewan serta penyokong parti.

Sepanjang perhimpunan, terutamanya sesi ucapan penggulungan, anggota parti dan orang ramai mengambil kesempatan membanjiri PWTC untuk mendengar dan mengikuti ucapan Dr Mahathir menerusi siaran televisyen litar tertutup, yang disediakan dengan banyak.

Mengenai perbahasan sepanjang persidangan itu berlangsung, beliau berkata pada kali ini tiada kritikan yang keterlaluan kepada parti dan kerajaan, sebaliknya ramai yang menyatakan sokongan kepada tindakan dan dasar-dasar yang diperkenalkan kerajaan.

"Walaupun kritikan ini memang wajar, perlu dikritik kerana tanpa

kritikan kita akan terus dengan apa yang dilakukan. Kita selalu membuat kritikan dan dengan itu kita faham dengan apa yang perlu diperbetulkan," katanya

Namun begitu, beliau berkata kadangkala berlaku kritikan yang keterlaluan sehingga dijadikan bahan dan isu parti lawan untuk menghentam Umno.

Perdana Menteri berkata apa yang diperlukan ialah kritikan yang membina.

"Jangan kita beri senjata untuk orang lain menikam kita balik dalam Umno, dan semasa membuat kritikan, bahasa dijaga, tumpuan perlu dijaga baik," tambahnya.

-- BERNAMA

HS KHY MOZ